

Jambatan ganti Tambak Johor tidak perlukan persetujuan Singapura

Oleh AZNAN BAKAR

UM 22 JAN 2007
JOHOR BAHRU 21 Jan. — Cadangan pembinaan jambatan bagi menggantikan Tambak Johor tidak memerlukan persetujuan Singapura kerana ia hanya akan dibina di sebelah Malaysia, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, dalam pelan pembangunan semula Tambak Johor sebelum ini memang melibatkan kejasama Singapura tetapi sehingga ini tidak ada sebarang keputusan mengenainya.

Dengan cadangan itu bermakna jambatan yang akan dibina itu hanya kira-kira 400 meter di sebelah Malaysia dan kemudiannya akan bersambung dengan Tambak Johor di sebelah Singapura di tengah-tengah laut.

Projek bernilai kira-kira RM2 bilion itu jika diluluskan oleh kerajaan akan bermula tahun ini.

Kata Dr. Mahathir, melalui nelan baru yang dikemukakan oleh Syarikat Gerbang Perdana Sdn. Bhd., jambatan tersebut hanya akan dibina di sebelah perairan negara.

"Ini tidak terlibat Singapura, yang ini kita punya. Kita buat sebelah Malaysia tidak payah minta persetujuan (Singapura)," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selenas mendengar taklimat mengenai cadangan projek tersebut yang akan dikenali sebagai Gerbang Selatan Bersenadu di sini hari ini.

Taklimat itu telah disampaikan oleh Naib Pengerusi Eksekutif Gerbang Perdana, Datuk Yahya A. Jalil.

Melalui pelan pembangunan itu yang

melibatkan pembinaan Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ), kawasan Tambak Johor di sebelah Malaysia akan diruntuhkan sepenuhnya menjelang tahun 2006 bagi membolehkan ia menjadi laluan kepada kapal-kapal kecil.

Ditanya sama ada projek Gerbang Selatan Bersepadu itu merupakan sebahagian daripada pakej perundingan antara kedua-dua negara, Dr. Mahathir menegaskan: "Ia bukan sebahagian daripada pakej yang sedang dirundingkan dengan Singapura. Ia tidak melibatkan Singapura."

Bagaimanapun kata Dr. Mahathir, projek terbabit masih di peringkat cadangan dan kerajaan akan mempertimbangkannya.

Setakat ini kata beliau, cadangan itu baik dan ia dijangka dapat mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di Johor Bahru terutama di Tambak Johor.

"Kesesakan di pintu masuk di Johor Bahru nampak sudah sampai ke tahap yang tidak boleh diterima. Sekurangnya ini akan menyelesaikan kesesakan," katanya.

Ditanya bila kerajaan akan memberi keputusan mengenai cadangan itu beliau berkata, ia akan diputuskan secepat mungkin.

Kerajaan juga tegas Perdana Menteri, akan memastikan tidak ada rakyat yang rugi sekiranya projek seperti itu dilaksanakan nanti.

Difahamkan jika projek terbabit menjadi kenyataan kira-kira 10,000 penduduk yang kini menyewa di flat kerajaan Bukit Cagar dan Lumba Kuda akan dipindahkan kerana bangunan kediaman terbabit akan diruntuhkan bagi memberi laluan kepada projek berkenaan.